

## TERMA DAN SYARAT KAD AGRO DEBIT-i



1. **GAMBARAN KESELURUHAN**  
Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah terpakai ke atas semua Kad Agro Visa Debit-i yang dikeluarkan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Agrobank").
2. **PENERIMAAN PERJANJIAN**  
Sebelum Pemegang Kad menandatangani dan/atau menggunakan Kad, Pemegang Kad perlu membaca dan memahami Terma dan Syarat ini terlebih dahulu kerana penggunaan atau penerimaan Kad oleh Pemegang Kad adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini. Dengan meminta Bank mengeluarkan Kad atau menandatangani borang permohonan Bank, Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk terus terikat dengan Terma dan Syarat berikut. Dengan menandatangani, menggunakan atau menerima Kad, Pemegang Kad bersetuju dan/atau dianggap telah bersetuju dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di bawah ini.
3. **DEFINISI DAN INTERPRETASI**  
Di dalam Terma dan Syarat ini, di mana konteks memerlukan, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai maksud yang telah ditetapkan ke atasnya:-

### Perkataan

### Maksud

<b>"Akaun"</b>	akaun Giro dan/atau Akaun Simpanan (CASA) yang dibuka atas nama Pemegang Kad dengan Bank yang dihubungkan dengan Kad bagi tujuan perjanjian ini;
<b>"ATM"</b>	bermaksud mesin tunai automatik atau mesin kendalian kad yang menerima Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin yang dimiliki oleh Bank atau bank-bank atau institusi-institusi kewangan lain di bawah rangkaian MEPS atau rangkaian Visa ATM Global yang mengambil bahagian;
<b>"Baki Akaun"</b>	membawa maksud baki di dalam Akaun selepas ditolak pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang ditanggung oleh Pemegang Kad;
<b>"Baki Pegangan"</b>	ertinya pada bila-bila masa jumlah yang dianggarkan oleh Bank sebagai amaun apa-apa dan semua transaksi kad yang dilaksanakan ke atas Kad, tetapi yang belum didebit daripada Akaun;
<b>"Baki Semasa"</b>	baki yang terdapat didalam Akaun selepas ditolak pembelian barangan dan perkhidmatan, serta pengeluaran tunai;
<b>"Bank"</b>	bermakna Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Agrobank");
<b>"CASA"</b>	akaun Giro dan/atau Akaun Simpanan dengan Bank milik Pemegang Kad yang mana Hasil akan didepositkan ke dalamnya dan digunakan oleh Pemegang Kad menurut Terma dan Syarat ini;
<b>"Had Belian"</b>	bermaksud had maksimum yang dibenarkan oleh Pemegang Kad yang boleh digunakan di ruang kedai Peniaga yang Dibenarkan;
<b>"Had Harian"</b>	had maksimum dibenarkan yang ditetapkan oleh Bank bagi Pengeluaran Tunai dan transaksi runcit yang dibuat dalam satu (1) hari;
<b>"Had Pengeluaran"</b>	bermaksud had dan kekerapan pengeluaran tunai maksimum yang dibenarkan oleh Bank;
<b>"Kad"</b>	bermaksud Kad Agro Visa Debit-i yang dikeluarkan oleh Bank untuk Akaun yang dibanar oleh pihak Bank membolehkan anda untuk dihubungkan dengan kad dan mengandungi logo Visa dan MyDebit yang membolehkan Pemegang Kad untuk melaksanakan urusniaga;
<b>"MEPS"</b>	bermaksud Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd;
<b>"MyDebit"</b>	bermaksud penggunaan kad bagi pembelian dengan memasukkan PIN ke dalam terminal pekedai;
<b>"Pemegang Kad"</b>	bermakna pelanggan Bank yang empunya kad;
<b>"Peniaga yang Dibenarkan"</b>	ertinya mana-mana peruncit atau orang, firma atau syarikat, pekerja, pengkhidmat atau ejennya yang bersetuju untuk menerima atau menyebabkan pejabat-pejabat, outlet-outlet, kedai-kedai, gedung-gedung, premis dan lokasi perniagaannya menerima Kad apabila dikemukakan untuk pembayaran oleh Pemegang Kad;
<b>"Pengeluar"</b>	bank pengeluar Kad yang telah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia di bawah Seksyen 25(1) Akta Sistem Pembayaran 2003 untuk mengeluarkan instrumen pembayaran yang ditetapkan;
<b>"Penyata"</b>	bermaksud penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank yang menunjukkan transaksi dalam Akaun untuk tempoh yang ditetapkan;
<b>"Perbankan Internet"</b>	sistem perbankan internet yang membolehkan pelanggan Bank melaksanakan transaksi kewangan di laman web kendalian Bank yang selamat;
<b>"Perjanjian"</b>	bermaksud perjanjian ini dan termasuk apa-apa perubahan, tambahan dan/atau pindaan terma dan syarat yang dibuat oleh pihak Bank dari masa ke semasa menurut peruntutan perjanjian ini;
<b>"PIN"</b>	bermaksud Nombor Pengenalan Peribadi enam (6) digit yang dipilih oleh Pemegang Kad semasa pengeluaran kad atau nombor yang telah ditukar melalui ATM Agrobank;
<b>"POS"</b>	point of sale;
<b>"Ringgit Malaysia"</b>	mata wang sah Malaysia dan digunakan untuk semua pembayaran yang dibuat di bawah Terma dan Syarat ini;
<b>"Slip Jualan"</b>	ertinya resit yang dikeluarkan oleh Peniaga yang dibenarkan selepas sesuatu transaksi;
<b>"Tarikh Tempoh Sah"</b>	bermaksud tarikh luput yang dicetak di atas Kad;

## TERMA DAN SYARAT KAD AGRO DEBIT-i



<b>"Transaksi Kad"</b>	bermaksud transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran, pembelian runcit, pembelian dalam talian, pemindahan wang, pembayaran bil dan apa-apa perkhidmatan lain yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
<b>"Transaksi Kad ATM"</b>	bermaksud penggunaan Kad atau mana-mana kad lain sebagaimana yang diluluskan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk pengeluaran tunai dan Transaksi Elektronik;
<b>"Urusniaga"</b>	bermaksud urusniaga perbankan yang dilakukan atau boleh dilakukan dengan atau tanpa menggunakan kad dan/atau telefon termasuk pengeluaran, pembayaran, pemindahan wang, pertanyaan baki, deposit dan lain-lain perkhidmatan perbankan elektronik yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
<b>"Visa Paywave"</b>	bermaksud penggunaan kad dengan menyentuh kad dengan jarak 4cm pada terminal pekedai untuk pembelian;
<b>"Visa"</b>	bermaksud Visa International Service Association, sebuah syarikat yang ditubuhkan di State of Delaware, beribu pejabat di 900 Metro centre Boulevard, Foster City, State of California, United States of America 94404 yang mana Bank adalah ahli utama;
<b>"Yuran dan Caj"</b>	ertinya dengan mendaftar dalam program kad, anda bersetuju untuk membayar sebarang dan semua bayaran berkaitan.

#### 4. TAFSIRAN

- a. Perkataan dan ekspresi yang merujuk kepada perkataan tunggal hendaklah termasuk perkataan majmuk dan sebaliknya. Perkataan dan ekspresi yang membawa maksud maskulin hendaklah termasuk perkataan yang membawa maksud feminin dan neutral.
- b. Rujukan kepada klausa dan jadual hendaklah merujuk kepada Klausa dan Jadual kepada Terma dan Syarat ini, melainkan dinyatakan sebaliknya secara jelas.
- c. Tajuk dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan hendaklah diabaikan dalam mentafsirkan peruntukan-peruntukan Terma dan Syarat ini.

#### 5. PERMOHONAN DAN PENERIMAAN KAD

- a. Pelanggan individu yang telah mencapai umur 18 tahun (termasuk bukan pemastautin Malaysia) yang mempunyai akaun Simpanan/GIRO dengan Agrobank layak untuk memohon Kad. Sekiranya akaun pelanggan adalah akaun Bersama, hanya satu (1) kad akan dikeluarkan oleh Bank berdasarkan kuasa tandatangan yang diberikan dan dipersetujui oleh pemegang akaun.
- b. Bagi Individu yang berumur dalam lingkungan umur 12 hingga 17 tahun yang membuka akaun Simpanan/GIRO atas nama ibubapa/penjaga, hanya satu (1) Kad yang akan dikeluarkan kepada Pemegang Kad.
- c. Pemilik berdaftar syarikat perniagaan tunggal yang memiliki akaun GIRO dengan Bank layak untuk memohon satu (1) Kad di bawah nama syarikat perniagaan tunggal. Kad hanya boleh dipegang atau digunakan oleh pemilik berdaftar syarikat perniagaan tunggal tersebut.
- d. Pemohon kad hendaklah melengkapkan borang permohonan dan menghantarnya ke Bank bersama dengan kad ATM atau buku akaun simpanan atau penyata GIRO (sekiranya sedia ada) serta dokumen yang diperlukan dan pembayaran yang berkenaan.
- e. Pemegang Kad hendaklah memasukkan PIN pilihan mereka melalui PINPAD terminal semasa pengeluaran kad dan perlu mengaktifkan semula di ATM. PIN tersebut adalah bertujuan untuk membuat transaksi di mesin ATM dan pembayaran. Pemegang Kad hendaklah tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana individu dan hendaklah bertanggungjawab kepada Bank bagi mana-mana debit dalam CASA akibat daripada mana-mana transaksi yang tidak dibenarkan.
- f. Sebagai pertimbangan kepada Bank mengeluarkan kad kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini dan apa-apa terma dan syarat lain yang akan dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa. Tarikh perubahan Terma dan Syarat akan disiarkan di mana-mana mod komunikasi yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- g. Sekiranya Pemegang Kad tidak mahu terikat dengan Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad memulangkan kad dengan serta-merta kepada Bank setelah memotong jalur magnetik dan cip pada Kad dengan pemulangan Kad adalah untuk pembatalan.
- h. Bank mempunyai hak untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan kad yang diterima.

#### 6. PENGGUNAAN KAD

- a. Apabila menerima Kad, Pemegang Kad hendaklah mengesahkan Kad untuk penggunaan dengan menandatangani pada panel tandatangan di belakang Kad. Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan PIN kepada mana-mana orang di dalam apa jua keadaan atau dengan apa cara sekalipun sama ada secara sukarela atau sebaliknya pada bila-bila masa. Dengan menggunakan Kad, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini (seperti yang mungkin diubah oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar).
- b. Pemegang Kad hanya boleh menggunakan Kad tersebut untuk pembelian dan pembayaran di rangkaian perniagaan yang patuh Syariah sahaja. Pemegang Kad harus mengaku dan bersetuju dan mematuhi bahawa jika Kad itu digunakan untuk pembelian dan pembayaran di rangkaian perniagaan yang tidak berasaskan Syariah, Agrobank berhak untuk menarik, menggantung dan/atau membatalkan penggunaan Kad tersebut.
- c. Pemegang Kad tidak boleh membenarkan pihak ketiga untuk menggunakan Kad dan tidak boleh memindah milik, atau menyerahkan kawalan atau pemilikan Kad, atau menggunakan Kad untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- d. Pemegang Kad hendaklah mematuhi segala keperluan, arahan dan garis panduan tentang penggunaan Kad yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkenaan dengan semua perkhidmatan yang diberikan kepada Pemegang Kad.
- e. Kad hanya sah sehingga Tarikh Tempoh Sah seperti ditunjukkan di atas kad. Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa sebaik sahaja kad tamat, ianya perlu dimusnahkan, dengan memotong dua di bahagian cip dan jalur magnetic ketika penyerahan kad kepada Bank untuk penggantian.
- f. Kad tidak boleh digunakan selepas pembatalan, tamat tempoh, penutupan akaun atau apabila Pemegang Kad tidak lagi menjadi pelanggan Bank.
- g. Akaun Pemegang Kad akan didebitkan apabila pembelian dilakukan menggunakan Kad. Kad boleh digunakan untuk pembelian barangan dan perkhidmatan di Malaysia yang mempamerkan logo MEPS/Bankcard atau MyDebit dan di rangkaian perniagaan yang dibenarkan di seluruh dunia yang mempamerkan logo Visa/VisaPlus/Visa payWave, dengan syarat jumlah baki di dalam Akaun mencukupi semasa transaksi dilakukan. Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan Akaun mempunyai wang yang mencukupi sebelum melakukan transaksi.
- h. Pemegang Kad dibenarkan melakukan pengeluaran tunai di mana-mana ATM di dalam dan di luar negara yang memaparkan logo MEPS/VISA/VisaPlus.

## TERMA DAN SYARAT KAD AGRO DEBIT-i



- i. Pemegang Kad dibenarkan membeli barangan dan perkhidmatan secara dalam talian yang memaparkan logo Visa/Visa Checkout/Verified by Visa.
  - j. Pemprosesan transaksi yang dibuat menggunakan kad debit akan ditentukan oleh peniaga kedai.
  - k. ADC-i tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Bank mempunyai hak untuk menamatkan kemudahan kad debit jika Pemegang Kad didapati menggunakan kad untuk aktiviti yang tidak sah.
  - l. Semua Pemegang Kad beragama Islam dinasihatkan untuk mematuhi peraturan dan prinsip pematuhan Shariah semasa menggunakan kad.
  - m. ADC-i tidak boleh digunakan di kedai-kedai atau aktiviti-aktiviti yang tidak patuh Shariah seperti di senarai di bawah:
    - i. Kedai Menjual Rambul Palsu
    - ii. Bar, Kelab Malam dan Disko
    - iii. Kedai Menjual Minuman Keras (Arak, Bir dan Wain)
    - iv. Kedai Menjual Cerut
    - v. Perkhidmatan Pengiring (Escort)
    - vi. Rumah Urut
    - vii. Perjudian (Lumba Kuda atau Syarikat Loteri)
    - viii. Pertaruhan (termasuk tiket loteri, cip dan kasino, pertaruhan dan perjudian atas talian)
- 7. TRANSAKSI LUAR NEGARA DAN ATAS TALIAN**
- a. Pemegang Kad boleh menggunakan kad bagi pembelian dan pengeluaran di Rangkaian Perniagaan/Mesin Pengeluaran Tunai yang dibenarkan di mana-mana negara yang diluluskan.
  - b. Sekiranya Pemegang Kad menggunakan kad di luar negara, transaksi tersebut akan dikenakan dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran dan pada masa yang ditentukan atas budi bicara mutlak oleh Visa atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank merupakan ahli.
  - c. Bagi yang berkenaan, Pemegang Kad akan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mematuhi Peraturan Kawalan Pertukaran Wang Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan mana-mana transaksi luar negara.
  - d. Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank bagi setiap kali perjalanan ke luar negara atau tentang niatnya meninggalkan Malaysia bagi tempoh lebih daripada tiga puluh (30) hari.
  - e. Berkuatkuasa 1 Januari 2016, semua kemudahan bagi transaksi luar negara dan atas talian akan dinyahaktifkan untuk menjaga keselamatan Pemegang Kad sebaik sahaja kad dikeluarkan.
  - f. Pemegang Kad boleh memilih untuk mengaktifkan kemudahan bagi transaksi luar negara dan atas talian dengan menelefon Pusat Panggilan Agrobank di 1300-88-2476 atau memohon Pengaktifan kemudahan yang diperlukan semasa pengeluaran kad.
  - g. Sekiranya Pemegang Kad menggunakan kad untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan menerusi internet, laman web atau portal, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaannya pada setiap masa. Pemegang Kad bersetuju bahawa pemberian maklumat kad di Internet hendaklah menjadi bukti mencukupi tentang kesahihan arahan yang telah dibuat oleh Pemegang Kad. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap penggunaan kad sedemikian tanpa mengambil kira sama ada individu tersebut diberi kebenaran atau tidak dan tanpa mengambil kira keadaan semasa transaksi berlaku. Walaubagaimanapun, Bank berhak atas budi bicaranya untuk tidak menyempurnakan transaksi sedemikian sekiranya Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahihannya atau berpendapat bahawa transaksi tersebut tidak sah di sisi undang-undang atau sebaliknya tidak wajar untuk dilakukan atau atas sebarang sebab lain.
- 8. PEMBAYARAN TANPA SENTUH MELALUI VISA PAYWAVE & MYDEBIT CONTACTLESS**
- a. Pemegang Kad perlu membuat transaksi di ATM terlebih dahulu selepas kad dikeluarkan untuk membolehkan kemudahan pembayaran kad melalui tanpa sentuh diaktifkan.
  - b. Fungsi gelombang pada kad (transaksi tanpa tandatangan) boleh digunakan di rangkaian perniagaan dengan penerimaan gelombang di terminal tanpa sentuh sehingga maksimum RM250 setiap transaksi tertakluk kepada jumlah penggunaan kad sehari.
  - c. Sebarang transaksi yang melebihi had maksimum/kumulatif, PIN diperlukan seperti pembelian biasa. Pemegang Kad boleh meningkatkan/menurunkan dan/atau mengaktifkan/menyahaktifkan kemudahan pembayaran tanpa sentuh dengan menelefon Pusat Panggilan Agrobank di 1300-88-2476 atau memohon pengaktifan kemudahan yang diperlukan semasa pengeluaran kad.
- 9. PENYATA**
- a. Bank akan menyelenggara akaun Pemegang Kad bagi setiap kad yang dipegang dan semua transaksi yang dilaksanakan menggunakan kad dan sebarang yuran akan didebitkan ke akaun berkenaan.
  - b. Penyata Akaun bagi akaun Simpanan/GIRO milik Pemegang Kad yang menyatakan transaksi yang telah dilakukan melalui kad boleh dimohon di mana-mana cawangan atau dicetak oleh Pemegang Kad di mana-mana cawangan atau dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad.
  - c. Semua transaksi, rekod dan catatan dalam Akaun seperti yang dinyatakan dalam Penyata akan disifatkan sebagai betul dan mengikat Pemegang Kad melainkan Pemegang Kad memberitahu Bank Mengenai pertikaian (jika ada) di dalam penyata akaun tidak lewat dari empat belas (14) hari dari tarikh penyata.
  - d. Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera tentang sebarang perubahan alamat kediaman dan/atau alamat pejabat dan/atau alamat surat-menyurat, nombor telefon atau lain-lain maklumat.
- 10. KAD HILANG/DICURI DAN PENDEDAHAN PIN**
- a. Pemegang Kad hendaklah menggunakan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan, kecurian dan pendedahan PIN kepada seseorang yang tidak dibenarkan atau penggunaan kad tanpa kebenaran. Sebarang kehilangan, kecurian dan pendedahan PIN kepada seseorang yang tidak dibenarkan hendaklah dilaporkan ke Pusat Panggilan Agrobank di 1300-88-2476 dengan serta-merta.
  - b. Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab terhadap semua caj dan pendahuluan daripada transaksi kad samada dibenarkan atau tidak dibenarkan, sebelum pemberitahuan melalui borang yang ditetapkan bagi kehilangan, kecurian dan pendedahan PIN kepada seseorang yang diberi kuasa atau tidak dibenarkan diterima oleh Bank. Rekod Bank mengenai sebarang transaksi kad yang dilakukan adalah muktamad dan mengikat terhadap Pemegang Kad.
  - c. Apabila kad hilang atau dicuri diambil, Pemegang Kad hendaklah memotong dua di bahagian cip dan jalur magnetic dan seterusnya memulangkan kad ke Bank. Bank hendaklah mempunyai budi bicara untuk mengeluarkan atau tidak mengeluarkan kad penggantian kepada Pemegang Kad berikutan kehilangan atau kecurian.
- 11. PENGANTUNGAN, PEMBATALAN ATAU PENAMATAN**
- a. Di samping dan tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini, Bank boleh menamatkan penggunaan kad dengan bernotis tanpa memberikan sebarang sebab untuk penamatan, dengan syarat Bank mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa Pemegang Kad telah menyalahgunakan kad atau telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini. Selepas penamatan tersebut, kad akan dibatalkan serta merta sama ada kad dipulangkan oleh Pemegang Kad kepada Bank atau tidak.

## TERMA DAN SYARAT KAD AGRO DEBIT-i



- b. Pemegang Kad boleh menamatkan penggunaan kad pada bila-bila masa dengan menghantar notis kepada Bank dan memulangkan kad kepada Bank selepas memotong jalur magnetik dan cip. Tiada pemulangan yuran tahunan atau sebahagian daripadanya akan dibuat. Walaupun pemberitahuan awal telah diberikan tentang hasrat Pemegang Kad untuk membatalkan atau menamatkan penggunaan kad, Pemegang Kad tetap bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi (yang dibenarkan atau tidak) yang dilaksanakan menerusi penggunaan kad sehinggalah tarikh kad dipulangkan kepada Bank oleh Pemegang Kad.

### 12. YURAN DAN CAJ

- a. Bank berhak mengenakan yuran dan caj bagi perkhidmatan termasuk untuk pengeluaran kad, permintaan cetakan penyata bulanan, Yuran tahunan, yuran penggantian kad, yuran pengeluaran wang tunai melalui rangkaian MEPS, terminal Rangkaian Visa dan Bank Antarabangsa.
- b. Bank mempunyai hak untuk mengenakan caj tambahan dan/atau mengubah yuran dan caj tersebut dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari.
- c. Bagi tujuan pungutan Yuran dan Caj itu, Pemegang Kad bersetuju memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun dengan Yuran dan Caj yang dinyatakan di bawah walaupun pendebitan tersebut boleh menyebabkan Akaun menjadi terlebih keluar. Yuran dan Caj berikut dikenakan pada kadar berikut:

Yuran dan Caj	
Perkara	Fi/Caj
Pengeluaran Kad	RM10
Yuran Tahunan	RM10
Fi Penggantian Kad	RM12
<b>Pengeluaran Wang Tunai:</b>	
ATM Agrobank	Percuma
MEPS ATM Bank Tempatan	RM1 (setiap pengeluaran)
MEPS ATM Bank Asing	RM4 (setiap pengeluaran)
ATM VisaPlus	RM10 (setiap pengeluaran)
<b>Lain-lain:</b>	
Caj Draf Jualan (Original)	RM10
Caj Draf Jualan (Salinan)	RM5
Salinan Penyata (Bulanan)	RM5
Yuran perkhidmatan (bagi transaksi di luar negara)	1.25%
	<p>Bagi urusan yang melibatkan mata wang asing, wang yang terdapat di dalam akaun pelanggan yang bersamaan dengan nilai penggunaan pelanggan mengikut kadar tukaran mata wang yang ditentukan oleh Visa International akan digunakan sebagai deposit sekuriti bagi menjelaskan jumlah penggunaan pelanggan apabila dituntut oleh pihak Visa International kelak;</p> <p>Sekiranya jumlah penyelesaian kepada Visa International adalah lebih rendah berbanding dengan deposit sekuriti yang dipegang oleh pihak Bank, pelanggan mengeneppikan haknya (tanazul) untuk mendapatkan balik perbezaan di antara deposit sekuriti dan jumlah penyelesaian tersebut dan perbezaan tersebut akan dikira sebagai hak Bank.</p> <p>Pihak Bank boleh mengenakan yuran perkhidmatan kepada pelanggan di atas perkhidmatan yang disediakan dan yuran tersebut adalah tambahan kepada deposit sekuriti yang di ambil.</p>

**Nota: Cukai Barangan & Perkhidmatan/Cukai Jualan & Perkhidmatan, di mana berkenaan, akan dikenakan ke atas fi dan caj seperti yang dinyatakan di atas.**

- d. Bagi tujuan mendebit Yuran Tahunan, baki minimum yang perlu disimpan di dalam akaun hendaklah mengikut polisi jenis-jenis akaun di Agrobank yang sedia ada.
- e. Yuran tahunan mesti dibayar setelah Kad dikeluarkan dan seterusnya pada tarikh ulang tahun.
- f. Sekiranya terdapat kekurangan di dalam akaun pelanggan apabila transaksi dilakukan oleh Pemegang Kad, Bank dengan kuasa mutlaknya dan dengan izin Pemegang kad, akan menjejaskan penggunaan kad bagi pengeluaran dan pembelian. Pemegang Kad hendaklah memastikan baki akaun adalah mencukupi ketika penggunaan kad yang memerlukan pendebitan yuran dan caj.

### 13. CAJ PRA-KEBENARAN

Caj pra-kebenaran merujuk kepada amaun pra-kebenaran yang didebit dari Akaun apabila Pemegang Kad mengisi petrol dan membuat pembayaran menggunakan Kad di dispenser minyak automatik atau membuat bayaran untuk pendaftaran bilik di hotel menggunakan Kad atau apa-apa transaksi lain yang memerlukan kepada caj pra-kebenaran. Caj pra-kebenaran yang dimaksudkan adalah untuk kelulusan transaksi sahaja. Jumlah pra-kebenaran akan dilepaskan apabila jumlah transaksi sebenar telah didebitkan ke Akaun.

### 14. PEMANTAUAN DAN RAKAMAN TELEFON

Pemegang Kad memberi kebenaran kepada Bank untuk menghubungi Pemegang Kad menerusi telefon mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kad. Pemegang Kad bersetuju bahawa panggilan sedemikian daripada Bank boleh dibuat tanpa diminta. Dari semasa ke semasa, Bank boleh memantau dan/atau merakamkan panggilan telefon antara Pemegang Kad dan Bank. Pemegang Kad selanjutnya bersetuju bahawa pemantauan dan/atau rakaman boleh dilakukan dan tiada notis tambahan kepada Pemegang Kad atau kelulusan tambahan daripada Pemegang Kad diperlukan.

### 15. BUDI BICARA BANK

Bank berhak, pada bila-bila masa mengikut budi bicara dan tanpa memberi notis atau sebab terlebih dahulu untuk menolak sebarang Transaksi Kad yang dikemukakan walaupun Baki Semasa dalam Akaun Pemegang Kad membolehkan Transaksi Kad yang dikemukakan itu. Bank berhak mengikut budi bicaranya tanpa memberi sebarang sebab untuk: -

- a. Menggantung hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad atas sebab-sebab keselamatan, sepenuhnya atau berkenaan dengan kemudahan tertentu, dan / atau

## TERMA DAN SYARAT KAD AGRO DEBIT-i



- b. Enggan mengeluarkan semula, memperbaharui atau menggantikan Kad, tanpa menjejaskan obligasi Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini yang akan terus berkuatkuasa dan tiada pembayaran balik yuran tahunan akan dipulangkan jika hak untuk menggunakan Kad digantung sedemikian oleh Bank atau jika Kad tidak diperbaharui atau diganti.
- c. Menggantung hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad sepenuhnya atau berkenaan dengan keistimewaan bagi apa-apa urusan niaga dengan perniagaan tidak halal / aktiviti tidak patuh Syariah.
- 16. PENCECUALIAN LIABILITI**
- a. Bank akan bertanggungjawab ke atas urusan niaga tanpa kebenaran sama ada urusan niaga melalui PIN ataupun tandatangan melainkan jika Bank telah membuktikan Pemegang kad telah:
- i. Tidak bertindak secara menipu atau ternyata cuai atau menggalakkan penipuan atau kehilangan/kecurian kad debit, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
  - ii. Telah memaklumkan Bank serta merta selepas mendapati kad debit anda hilang atau dicuri atau apabila anda mengesyaki terdapat urusan niaga tidak sah telah dilaksanakan menggunakan kad debit, jika tidak, anda bertanggungjawab atas segala liabiliti.
  - iii. Tidak mendedahkan info kad debit dan PIN kepada orang lain atau meletakkan kad debit di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain termasuk di kawasan kediaman Pemegang Kad.
  - iv. Tidak merekodkan PIN pada kad debit atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan kad dan mempunyai kemungkinan untuk kad hilang atau dicuri.
  - v. membenarkan kad debit digunakan oleh orang lain dengan sengaja.
- 17. PEMBAYARAN BALIK**
- a. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh mana-mana rangkaian perniagaan atau dalam talian walau apapun sebabnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana keengganan untuk menerima Kad atau apa-apa pernyataan atau komunikasi lain yang dibuat berkaitan dengannya, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barang-barang atau perkhidmatan. Pemegang Kad hendaklah berhubung secara langsung dengan rangkaian perniagaan tersebut mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan sebarang bayaran yang dibuat oleh Bank dari Akaun Pemegang Kad dalam tuntutan atau pertikaian tersebut
- b. Dalam keadaan tertentu, peraturan skim kad membenarkan Pemegang Kad untuk caj sesuatu transaksi kembali kepada Peniaga yang dengannya transaksi telah dibuat sama ada dalam jumlah penuh atau sebahagian darinya (jika hak untuk pembayaran balik dibenarkan) tertakluk kepada aduan atau pertikaian secara bertulis telah dibuat kepada Bank oleh Pemegang Kad dalam tempoh **dua puluh satu (21)** hari kalendar dari tarikh pengeposan urusan niaga tersebut di dalam Penyata Akaun Pemegang Kad dan Pemegang Kad telah menyediakan maklumat yang perlu yang diminta oleh Bank untuk menyokong pembayaran balik dalam tempoh yang diminta.
- c. Walau apapun dan tanpa menjejaskan keluasan klausa di dalam terma dan syarat ini, Pemegang Kad bersetuju secara nyata bahawa penggunaan Kad adalah atas risiko sendiri dan akan menanggung semua risiko yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada penggunaan Kad.
- 18. PELBAGAI**
- a. **UNDANG-UNDANG** - Perjanjian ini di antara Bank dan Pemegang Kad tertakluk kepada undang-undang Malaysia di manasahaja urusan niaga dilaksanakan.
- b. **MASA** - Masa dimana sahaja disebutkan adalah menjadi intipati Perjanjian ini.
- c. **PENCECUALIAN** - Walau apapun peruntukan yang bertentangan, tiada kegagalan atau kelewatan di pihak Bank dalam melaksanakan mana-mana hak dan kelayakan di bawah Perjanjian ini boleh dianggap sebagai pengecualian dan akan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya dan akan kekal tanpa mengira apa-apa pembatalan, penarikan balik atau penggantungan Kad oleh Bank.
- d. **PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN** - Walau apa pun jua di dalam Perjanjian ini hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya dan akan kekal tanpa mengira apa-apa pembatalan, atau mana-mana penggantungan Kad oleh Bank
- e. **VARIASI** - Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank bebas untuk mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat yang ditetapkan melalui pemakluman kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum perubahan, tambahan atau pindaan tersebut. Sekiranya Pemegang Kad tidak bersetuju dengan perubahan, penambahan dan / atau pindaan tersebut, Pemegang Kad hendaklah menyerahkan dan mengembalikan Kad yang telah dikerat dua kepada Bank. Sekiranya gagal, Pemegang Kad akan dianggap telah menerima perubahan, penambahan dan / atau pindaan tersebut.
- f. **PENDEDAHAN** - Bank berhak untuk mendedahkan dan Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank dan / atau pegawainya untuk menggunakan atau mendedahkan, apa-apa maklumat yang berhubungan dengan Pemegang Kad dan Akaun beliau, hal ehwal Pemegang Kad, kemudahan dan / atau mana-mana akaun sama ada di bawah Perjanjian ini atau sebaliknya yang Pemegang Kad mungkin ada dengan Bank dalam apa-apa cara dan setakat mana yang Bank mengikut budi bicara tunggal dianggap patut: -
1. Kepada mana-mana peniaga, mana-mana Bank atau institusi kewangan, Visa International atau pemrosesan sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad atau apa-apa penyiasatan yang akan dibuat dalam apa jua bentuk.
  2. Untuk atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapatkan semula wang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada Bank di bawah Perjanjian ini.
  3. Kepada mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
  4. Kepada mana-mana pihak lain yang dianggap patut oleh Bank, mengikut budi bicaranya.
- g. **NOTIS**
1. Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis mengenai apa-apa perubahan alamat dan / atau pekerjaan atau perniagaan.
  2. Sebarang surat-menyurat atau notis kepada Pemegang Kad boleh dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos prabayar kepada alamat Pemegang Kad yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kad Bank atau ke alamat lain yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dari semasa ke semasa melalui laman web Bank atau mengumumkan di media awam atau yang disiarkan di cawangan-cawangan dan hendaklah disifatkan telah diterima oleh Pemegang Kad dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Apa-apa kegagalan di pihak Pemegang Kad untuk memaklumkan Bank apa-apa perubahan alamat yang mengakibatkan kelewatan apa-apa surat-menyurat atau notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.
- h. **PERKHIDMATAN PROSES UNDANG-UNDANG**  
Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa penyampaian apa-apa notis berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan menghantar satu salinan notis tersebut melalui pos ke alamat terakhir Pemegang Kad yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Akaun atau kepada mana-mana alamat lain yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah disifatkan telah disampaikan pada masa pengeposan notis dan untuk membuktikan penyampaian adalah

**TERMA DAN SYARAT KAD AGRO DEBIT-i**

mencukupi dengan membuktikan bahawa notis tersebut ditujukan ke alamat yang betul dan dimasukkan ke dalam pos walaupun apa-apa keterangan yang berlawanan.

i. **KEBERASINGAN**

Jika mana-mana peruntukan Perjanjian ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua keadaan di bawah mana-mana undang-undang, maka kesalahan, kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain tidak dipengaruhi atau terjejas dalam apa jua cara.

**-TERMA DAN SYARAT BERAKHIR-**



## TERMA DAN SYARAT KAD AGRO DEBIT-i



### 1. OVERVIEW

Terms and Conditions stated herein is applicable to all Agro Visa Debit Card-i issued by Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Agrobank")

### 2. ACCEPTING AND AGREEMENT

Before the Cardmember signs and/or uses the Card, the Cardmember shall read these Terms and Conditions as the Cardmember's use or acceptance of the Card will be governed by these Terms and Conditions. By requesting the Bank to issue the Card or by signing the Bank's application form, the Cardmember hereby agrees to be bound by the following terms and conditions. By signing, using or accepting the Card, the Cardmember agrees and/or shall deem to have agreed with the terms and conditions stated hereunder.

### 3. DEFINITIONS AND INTERPRETATIONS

In these Terms and Conditions, where the context so admits the following words shall have the meanings set out against them:-

<u>Word</u>	<u>Meaning</u>
<b>"Account"</b>	CASA opened under the Cardmember's name with the Bank which is linked with the Card for the purpose of this agreement;
<b>"Account Balance"</b>	shall mean the available balance in the Account after deducting the purchases of goods and/or services incurred by the Cardmember.
<b>"Agreement"</b>	means this agreement as may be varied from time to time.
<b>"ATM"</b>	means an automated teller machine or card operated machine which accepts the Card including but not limited to the machines belonging to the Bank or other participating banks or financial institutions under the MEPS network or Visa Global ATM network.
<b>"ATM Card Transaction"</b>	means the use of the Card for cash withdrawals and Electronic Transactions or any other card as may be approved by the Bank from time to time.
